

21/11/1997

Dr Mahathir sihat

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan bahawa beliau masih sihat dan tidak menghadapi sebarang masalah kesihatan dan menganggap mereka yang menyebarkan fitnah mengenai kesihatannya sebagai 'pengkhianat'.

Perdana Menteri juga kesal dengan sikap segelintir rakyat Malaysia yang terlalu mempercayai khabar angin yang tidak berasas, termasuk dari negara jiran sehingga menyebabkan ekonomi negara terus terjejas.

Menurutnya, dua hari lalu 'mereka' menyebarkan khabar angin di dalam Internet kononya beliau jatuh pitam sehingga tidak dapat mempengerusi mesyuarat Kabinet.

"Semua itu adalah pembohongan yang disengajakan, sedangkan ketika itu saya mempengerusikan mesyuarat Kabinet sehingga jam 1 petang," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno, di sini malam ini.

Dr Mahathir berkata, sekurang-kurangnya tiga khabar angin yang memburukkan negara disebarkan dari Singapura setiap hari dan malangnya segelintir rakyat Malaysia mempercayainya.

"Mereka lebih percaya khabar angin dari Singapura daripada apa yang saya kata," katanya.

Ditanya mengapa khabar angin sedemikian berasal dari Singapura, Perdana Menteri berkata beliau tidak tahu.

"Mungkin itu sifat semula jadi mereka kerana kita adalah ekonomi pesaing dan rakyat Malaysia amat baik. Mereka tidak pernah memulakan khabar angin mengenai Singapura, tetapi mereka sentiasa memulakan khabar angin mengenai Malaysia," katanya.

(END)